

# Kerajaan tidak pernah agih kekayaan kepada individu tertentu

UM 4 AUG 2001

KUALA LUMPUR 3 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan tidak pernah mengagihkan kekayaan kepada individu tertentu tetapi hanya memberi peluang kepada mereka untuk menguruskan sesebuah syarikat.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, ada di antara individu itu tidak begitu cekap dan tersalah urus menyebabkan syarikat itu terjejas.

Pada masa yang sama, katanya, krisis ekonomi pada tahun 1997 dan 1998 menyebabkan banyak orang gagal kerana nilai mata wang ringgit dan harga saham syarikat menjunam.

“Syarikat yang dilihat terbaik juga akan gagal jika mata wang mereka diturunkan nilainya dengan ketara. Jika nilai mata wang dolar Amerika Syarikat diturunkan 50 peratus, General Motors sekalipun akan gagal,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis Penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 2000

Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas sama ada langkah penyusunan semula United Engineers (M) Bhd. (UEM) yang diumumkan baru ini akan menyaksikan pengagihan kekayaan kepada individu baru.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan perlu membantu syarikat ini bukan kerana mahu menyelamatkan orang yang terbabit tetapi kerajaan mempunyai komitmen kepada pekerja syarikat itu.

Selain itu, kata beliau, langkah kerajaan itu adalah bagi memastikan pengagihan sumber kekayaan negara menerusi Dasar Ekonomi Baru (kini digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara) berjaya.

Mengenai nembabitan kerajaan dalam membantu syarikat bermasalah, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan mengawasi syarikat terbabit dan jika perlu, mereka akan dibantu dan dipulihkan semula.

Atas komitmen membantu syarikat bermasalah, jelasnya, kerajaan menubuhkan syarikat Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

“Ideanya ialah untuk menstruktur semula syarikat yang tenat bukan kerana individu tetapi kerana penurunan nilai mata wang ringgit dan kejatuhan besar harga saham.

“Ini bukan salah mereka, malahan, banyak syarikat mempunyai aset jauh lebih tinggi nilainya berbanding harga saham,” katanya.

Mengulas sama ada bekas Naib Pengerusi UEM, Tan Sri Abdul Halim Saad perlu dipersalahkan ekoran masalah yang menimpa syarikat, Dr. Mahathir berkata, persoalan itu tidak timbul sama sekali.

“Tidak, tak timbul soal siapa salah. Tanggungjawab kita ialah untuk membantu memulihkan syarikat ini,” katanya.

Perdana Menteri juga menafikan Halim sedang disiasat.

“Beliau tidak disiasat, cuma beliau tidak lagi berkuasa,” katanya.

Dr. Mahathir juga berkata, walaupun kerajaan telah berusaha memulihkan banyak syarikat melalui pelbagai agensi yang ditubuhkan, namun, masih ada syarikat yang diuruskan oleh pihak tertentu mempunyai masalah serius.

Sambil menegaskan kerajaan tidak menyelamatkan sesebuah syarikat, beliau berkata, kerajaan terpaksa membantu menstruktur semula syarikat-syarikat bermasalah kerana mereka menanggung hutang.

“Bank-bank telah memberi pinjaman dan bank-bank juga mesti menerima hakikat bahawa apabila mereka memberi pinjaman mereka menanggung risiko dan tidak boleh dengan mudah mengatakan telah memberi sekian banyak pinjaman dan sekarang bayar semula semuanya,” kata beliau.